

Harga jualan separuh daripada petrol Gas murah bagi kereta

Oleh Azhar Abu Samah, Zulkofli Jamaluddin dan Ahmad Shaufiqi

BM 15 DEC 1991

SEGAMAT: Kerajaan bersetuju menetapkan harga jualan gas asli bagi kenderaan (NGV) pada kadar separuh daripada harga petrol sebagai galakan kepada pengguna, kata Datu Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mengumumkan demikian di perasmian Sistem Penggunaan Gas Semanjung Peringkat II (PGU II) di Pusat Operasi Penyaluran Gas Petronas di sini semalam, Perdana Menteri berkata, langkah itu adalah selaras dengan mutu NGV yang lebih selamat dan berkesan daripada petrol 'di samping mengurangkan pencemaran udara.

Menurutnya, Petronas

akan melancarkan rancangan untuk menggalakan penggunaan gas asli sebagai pilihan kepada petrol dan diesel bagi kenderaan, termasuk teksi, bas dan kenderaan pengangkutan barang.

Sehubungan itu, katanya, pengguna juga harus bersedia mengeluarkan perbelanjaan untuk menukar alat pada kenderaan masing-masing bagi membolehkan penggunaan NGV.

"Lagipun NGV didapati lebih berkesan dan dalam jangka panjang, penggunaannya menguntungkan," katanya.

Di samping itu, katanya, kerajaan akan mengambil langkah untuk tidak

menggalakan penggunaan petrol berplumbum. termasuk memberhentikan import kereta yang boleh atau perlu menggunakan petrol berplumbum.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kereta baru yang diimport akan disyarat menggunakan petrol tanpa plumbum mulai satu tarikh yang akan dimumkan kemudian.

"Penggunaan kereta lama menggunakan petrol berplumbum masih dibenarkan di negara ini dan akan dihentikan apabila tiba masanya nanti," katanya.

Perdana Menteri gem-

bara kerana beberapa syarikat minyak, termasuk Petronas, sudah mengambil daya usaha memperkenankan petrol tanpa plumbum.

Perdana Menteri juga berkata, dalam usaha membangunkan ekonomi ke arah perindustrian, negara akan berhadapan dengan masalah pemuliharaan alam sekitar.

"Sebagai negara yang bertanggungjawab, kita memberi perhatian berat terhadap masalah ini," katanya.

Sehubungan itu, katanya, penggunaan gas asli yang lebih bersahabat dengan alam sekitar menggantikan 'fossil fuel' yang lain sebagai bahan

bakar bagi sektor penjaan kuasa dan industri, dapat membantu mengurangkan pencemaran udara.

Menurutnya, keadaan berjerebu yang melanda negara ini baru-baru ini, selain berpunca daripada kebakaran hutan di negara jiran, diburukkan lagi oleh pencemaran asap kenderaan.

Selaras dengan itu, katanya, kerajaan sudah mengambil keputusan untuk mengawal pencemaran udara akibat asap kenderaan dengan mengurangkan kadar plumbum dalam petrol daripada 0.4 gram seliter kepada 0.15 gram seliter mulai tahun lalu.